U 0876 BAH
GHAFAR - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG KINI SEDANG BEREHAT SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI BARU-BARU INI, SEDANG BERANSUR PULIH, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA HARI INI.

"SAYA LIHAT BELIAU BERANSUR PULIH DENGAN CEPAT," KATANYA KETIKA MERASMIKAN KONGRES EKONOMI SELAMA TIGA HARI ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DI HOTEL PAN PACIFIC DI SINI.

ENCIK GHAFAR, YANG SERING MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI, TELAH MENYAMPAIKAN SALAM TAKZIM DATUK SERI DR MAHATHIR, SELAKU PRESIDEN UMNO KEPADA PARA PESERTA KONGRES ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJALANI PEMBEDAHAN ITU PADA 24 JAN, BEBERAPA HARI SELEPAS DIMASUKKAN KE HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR SETELAH MENGADU SAKIT DADA. BELIAU KELUAR DARI HOSPITAL PADA 5 FEB.

TUGAS BELIAU KINI DIAMBIL ALIH OLEH ENCIK GHAFAR.

SECARA KEBETULAN, HARI INI JUGA MERUPAKAN HARIJADI ENCIK GHAFAR YANG KE-64. PADA MAJLIS ITU, ENCIK GHAFAR JUGA MEMOTONG PULUT KUNING YANG DIHADIAH OLEH ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA KEPADANYA. -- BERNAMA.
1749MST 18 02 89